

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[JASIN ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk mengatasi jurang kekayaan yang semakin melebar sekarang ini.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan yang digunakan bagi mengukur jurang kekayaan adalah berdasarkan pengukuran jurang pendapatan. Untuk mengukur jurang tersebut, indikator pekali Gini dan nisbah ketaksamaan pendapatan digunakan. Berdasarkan kepada hasil dapatan awal Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2014 menunjukkan pekali Gini semakin berkurangan daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.431 pada tahun 2012 dan seterusnya kepada 0.421 pada tahun 2014. Nisbah ketaksamaan pendapatan di antara kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi juga berkurangan daripada 1:6.94 kepada 1:6.58 dan seterusnya 1:6.18 dalam tempoh yang sama. Hasil dapatan HIES 2014 ini secara tidak langsung menunjukkan tanggapan Ahli Yang Berhormat mengenai jurang kekayaan semakin melebar dalam kalangan masyarakat di Malaysia adalah tidak benar.

Bagi memastikan jurang pendapatan rakyat ditangani secara berterusan, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, termasuk:

- i. langkah merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru, terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;

- ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah B40, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera di Sabah dan di Sarawak. Bagi golongan berpendapatan sederhana, khususnya golongan berpendapatan sederhana rendah, program-program peningkatan kapasiti dan kapabiliti adalah berdasarkan tahap keperluan golongan tersebut. Ini meliputi penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran serta peluang mereka bagi memperolehi pekerjaan berpendapatan lebih tinggi;
- iii. memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini dilaksanakan dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan serta pembinaan gerai niaga dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana. Program ini disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, contract farming dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah melaksanakan projek agropolitan di 11 lokasi yang dikenalpasti yang dijangka memanfaatkan seramai 3,246 orang peserta;

- v. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Selain daripada itu, Kerajaan juga turut melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah, saham amanah, program pendidikan dan latihan termasuk dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Program KWAPM adalah bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir dan belajar di sekolah. Turut diberi keutamaan adalah usaha peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) akan meneruskan semangat keterangkuman sepetimana di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Tumpuan akan terus diberikan kepada pelaksanaan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan dan kebolehan untuk meningkatkan tahap pendapatan dan kualiti hidup kumpulan sasar. Pembangunan infrastruktur asas di kawasan luar bandar juga akan dipergiatkan bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti.

Sekian. Terima kasih.